



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN TEKNIK TETINGKAP DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN DI SJKC

NUR ATIKAH BINTI MOHD NOOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN TEKNIK TETINGKAP DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN DI SJKC

NUR ATIKAH BINTI MOHD NOOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)**

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila Taipkan (\):**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

| | | |
|--|--|--|
| | | |
| | | |
| | | |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **12**(hari bulan) **DISEMBER**(bulan) **2019**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NUR ATIKAH BINTI MOHD NOOR, M20142001373 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KESAN TEKNIK TETINGKAP DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN DI SJKC** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DAHLIA JANAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESAN TEKNIK TETINGKAP DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN DI SJKC** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Dahlia binti Janan, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang lebih baik.

Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Pendidikan Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (MyBrain15) dan kerana telah menganugerahkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Encik Mohd Noor bin Majid dan Puan Noor Tasiah binti Idris yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih juga buat kedua-dua ibu bapa mentua saya, Encik Yusof bin Abas dan Puan Norizan binti Awang yang turut sama-sama memberikan kasih sayang, dorongan dan doa yang tidak putus sepanjang tempoh pengajian ini. Terima kasih sekali lagi ma, ayah, mak dan ayah. Ucapan terima kasih kepada suami tersayang, Mohd Fahmi bin Yusof yang sama-sama berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini dan kedua -dua anak





lelaki kami, Muhammad Akif Iman dan Muhammad Aisy Iman atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat kita sempurnakan dengan jayanya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada adik-beradik, Atie, Adibah, Fatin, Farah, Alya, Aiman, Arisa, Hilmy dan Alisha Hanna yang selalu memberikan sokongan yang tidak putus-putus agar saya dapat menamatkan pengajian ini. Semoga perjuangan ini turut memberikan inspirasi kepada kalian untuk menyambung pengajian ke peringkat seterusnya.

Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis kesan penggunaan Teknik Tetingkap dalam kemahiran menulis karangan terhadap 60 orang murid tahun lima yang berpencapaian sederhana. Responden ini dipilih secara tidak rawak, iaitu sampel bertujuan yang terdiri daripada kelas pertengahan berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun sebelumnya. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Melaka Tengah, Melaka yang merupakan tempat pengkaji berkhidmat untuk memudahkan proses kajian ini dijalankan manakala sebuah lagi sekolah yang dipilih adalah sekolah berhampiran. Reka bentuk kajian ini mengaplikasikan kaedah kuasi eksperimental dengan membahagikan responden kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan yang diajar secara tradisional, pengajaran penulisan karangan dengan mengembangkan isi yang diberikan dan kumpulan eksperimen diajar menggunakan Teknik Tetingkap. Kedua-dua kumpulan telah diberikan dua ujian karangan, iaitu ujian pra dan ujian pasca untuk membandingkan prestasi penulisan karangan dari aspek keseluruhan karangan, bilangan patah perkataan dan aspek penggunaan jenis pola ayat. Hasil kajian menunjukkan bahawa kekerapan perkataan tertinggi yang digunakan ialah perkataan ‘kita’ (kata nama) iaitu sebanyak 612 kali diikuti dengan perkataan ‘berkebun’ (kata kerja) sebanyak 507 kali. Bagi penggunaan jenis kata pula, kata nama merupakan jenis kata yang tertinggi digunakan sama ada dalam ujian pra mahupun ujian pasca. Jenis pola ayat yang paling banyak digunakan dalam kajian ini ialah pola FN+FK iaitu sebanyak 186 pola dalam ujian pasca kumpulan rawatan manakala 78 pola dalam ujian pasca kumpulan kawalan. Hasil analisis menggunakan perisian AntConc, pengkaji mendapati teknik tetingkap yang digunakan mampu meningkatkan pencapaian penulisan karangan murid dari segi penambahan bilangan perkataan yang digunakan dalam karangan sekaligus dapat meningkatkan pencapaian markah mereka. Hal ini jelas dapat dilihat perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan iaitu hanya ($M=6.23$) berbanding ($M=21.23$) dalam ujian pasca. Kesimpulannya, teknik tetingkap berkesan dalam meningkatkan tahap pencapaian murid dalam penulisan karangan di SJKC. Implikasinya teknik ini boleh digunakan secara meluas bagi membantu murid untuk menulis karangan.





THE EFFECT OF TEKNIK TETINGKAP ON TEACHING WRITING ESSAY SKILL IN SJKC

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the effect of using window technique on essay writing skills on 60 low-achieving fifth graders. The respondents were non-randomly selected, which is a sample of middle-class students based on the results of the previous year's examination. The study was conducted at two Chinese national schools in the central Malacca district of Malacca, which is the study area to facilitate the study while another selected school was nearby. The design of this study applied the quasi-experimental method by dividing the respondents into two groups namely traditional control group, essay writing lesson by expanding the content provided and experimental group taught using Teknik Tetingkap. Both groups were given two essay tests, namely pre and post test to compare essay writing performance in terms of overall essay, number of words and aspects of sentence pattern usage. The results showed that the highest frequency of words used was 'we' (noun) 612 times followed by the word 'gardening' (verb) 507 times. As for the use of word types, nouns are the highest types of words used in both pre- and post-test. The most commonly used types of sentence patterns in this study were FN + FK patterns of 186 patterns in post-treatment group trials and 78 patterns in post-control group trials. Based on the analysis using AntConc software, the researcher found that the Teknik Tetingkap used was able to improve student writing achievement in terms of increasing the number of words used in the essay and thus improving their scores. It is clear that the comparison between pre- and post-test scores for the treatment group was only ($M = 6.23$) compared to ($M = 21.23$) in the post-test. In conclusion, window technique is effective in improving student achievement in essay writing at SJKC. The implications of this technique can be widely used to help students write essays.





KANDUNGAN

| Perkara | Muka Surat |
|------------------------------------|------------|
| HALAMAN JUDUL | i |
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | vi |
| ABSTRACT | vii |
| KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xvi |
| SENARAI SINGKATAN | xvii |
| SENARAI LAMPIRAN | xvii |



BAB 1 PENGENALAN

| | |
|----------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar belakang Masalah | 4 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 10 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 10 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 11 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 11 |
| 1.7.1 Pelajar | 11 |
| 1.7.2 Guru | 12 |





| | |
|---------------------------------|----|
| 1.7.3 PPD | 12 |
| 1.7.4 Kementerian | 13 |
| 1.8 Batasan Kajian | 13 |
| 1.9 Definisi Operasional | 13 |
| 1.9.1 Keberkesanan Pembelajaran | 13 |
| 1.9.2 Teknik | 14 |
| 1.9.3 Menulis Karangan | 14 |
| 1.10 Rumusan | 15 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|---|----|
| 2.1 Pengenalan | 16 |
| 2.2 Teori Pembelajaran Bahasa Asing | 17 |
| 2.3 Teknik Scaffolding Untuk Belajar Bahasa Asing | 21 |
| 2.4 Teknik Tetingkap | 26 |
| 2.4.1 Prinsip Teknik Tetingkap | 28 |
| 2.5 Kajian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua | 30 |
| 2.6 Keberkesanan Penggunaan Teknik yang Sesuai Mampu Meningkatkan Bahasa Melayu | 36 |
| 2.7 Penggunaan Modul Berkesan dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan | 43 |
| 2.8 Kerangka Konseptual | 45 |
| 2.9 Kesimpulan | 47 |





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 48 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 49 |
| 3.3 | Reka Bentuk Pengajaran ADDIE | 51 |
| 3.4 | Sampel Kajian | 60 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 61 |
| 3.6 | Kesahan Dan Kebolehpercayaan | 63 |
| 3.7 | Prosedur Pengumpulan Data | 64 |
| 3.8 | Prosedur Analisis Data | 70 |
| 3.9 | Kesimpulan | 71 |



| | | |
|-------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 72 |
| 4.2 | Hasil Dapatan untuk menjawab Hipotesis Kajian | 73 |
| 4.2.1 | Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Skor Ujian Pra bagi kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 74 |
| 4.2.2 | Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Skor Ujian Pasca bagi kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 75 |
| 4.2.3 | Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Skor Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan | 76 |
| 4.2.4 | Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Skor Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan | 77 |
| 4.3 | Hasil Dapatan Untuk Menjawab Soalan Kajian | 78 |





| | | |
|-------|--|-----|
| 4.3.1 | Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan | 78 |
| 4.3.2 | Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 80 |
| 4.3.3 | Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 81 |
| 4.4 | Jenis Kosa Kata Yang Dihasilkan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 88 |
| 4.4.1 | Jenis Kosa Kata Yang Dihasilkan Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan | 88 |
| 4.4.2 | Jenis Kosa Kata Yang Dihasilkan Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 93 |
| 4.4.3 | Jenis Kosa Kata Yang Dihasilkan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 99 |
| 4.4.4 | Jenis Kosa Kata Yang Dihasilkan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 105 |
| 4.4.5 | Kata Nama Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 111 |
| 4.4.6 | Kata Kerja Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 112 |
| 4.4.7 | Kata Adjektif Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 114 |
| 4.4.8 | Kata Tugas Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 116 |
| 4.4.9 | Analisis Perkataan Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 117 |





| | |
|--|-----|
| 4.4.10 Analisis Perkataan Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 118 |
| 4.4.11 Perbezaan Penggunaan Jenis Perkataan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Rawatan | 119 |
| 4.5 Jenis Pola Ayat Yang Digunakan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Rawatan | 119 |
| 4.6 Kesimpulan | 122 |
| BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN | |
| 5.1 Pengenalan | 123 |
| 5.2 Rumusan Kajian | 126 |
| 5.3 Perbincangan Hasil Kajian | 129 |
| 5.3.1 Rumusan Keberkesanan Teknik Tetingkap dapat Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan | 129 |
| 5.3.2 Kekerapan perkataan yang digunakan dalam penulisan karangan | 133 |
| 5.3.3 Jenis Kata yang digunakan dalam penulisan Karangan | 136 |
| 5.3.4 Pola Ayat yang digunakan dalam penulisan karangan | 138 |
| 5.4 Implikasi Kajian | 140 |
| 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan | 143 |
| 5.6 Rumusan Dapatan Kajian | 145 |
| RUJUKAN | 146 |
| LAMPIRAN | |





SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka surat |
|--|------------|
| 2.1 Kotak Tetingkap | 27 |
| 3.1 Bilangan Dan Peratus Pelajar | 61 |
| 3.2 Aktiviti Yang Dijalankan Seamasa Rawatan | 66 |
| 3.3 Penggunaan Kotak Tetingkap Dalam Penulisan Karangan | 68 |
| 3.4 Jadual Analisis Data Menggunakan Perisian | 71 |
| 4.1 Keputusan Ujian T Untuk Sampel Bebas Bagi Ujian Pra Antara Kumpulan Kawalan Dan Rawatan | 74 |
| 4.2 Keputusan Ujian T Bagi Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 75 |
| 4.3 Ujian T Pengukuran Berulang Bagi Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 76 |
| 4.4 Ujian T Pengukuran Berulang Bagi Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 77 |
| 4.5 Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan | 79 |
| 4.6 Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 81 |
| 4.7 Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 82 |
| 4.8 Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 83 |
| 4.9 Perbandingan Bilangan Perkataan, Jenis Perkataan Dan Kekerapan Tertinggi Tertinggi Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 84 |
| 4.10 Analisis Keseluruhan Bilangan Perkataan Dan Kekerapan Tertinggi Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 87 |
| 4.11 Penggunaan Kata Nama Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan | 88 |
| 4.12 Penggunaan Kata Kerja Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan | 90 |





| | | |
|------|--|-----|
| 4.13 | Penggunaan Kata Adjektif Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan | 91 |
| 4.14 | Penggunaan Kata Tugas Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan | 91 |
| 4.15 | Penggunaan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan Mengikut Jenis | 93 |
| 4.16 | Penggunaan Kata Nama Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 93 |
| 4.17 | Penggunaan Kata Kerja Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 95 |
| 4.18 | Penggunaan Kata Adjektif Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 97 |
| 4.19 | Penggunaan Kata Tugas Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 97 |
| 4.20 | Penggunaan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan Mengikut Jenis | 99 |
| 4.21 | Penggunaan Kata Nama Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 99 |
| 4.22 | Penggunaan Kata Kerja Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 101 |
| 4.23 | Penggunaan Kata Adjektif Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 102 |
| 4.24 | Penggunaan Kata Tugas Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 103 |
| 4.25 | Penggunaan Perkataan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Mengikut Jenis | 105 |
| 4.26 | Penggunaan Kata Nama Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 105 |
| 4.27 | Penggunaan Kata Kerja Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 107 |
| 4.28 | Penggunaan Kata Adjektif Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 108 |
| 4.29 | Penggunaan Kata Tugas Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 109 |
| 4.30 | Penggunaan Perkataan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan Mengikut Jenis | 110 |
| 4.31 | Penggunaan Jenis Kata Nama Yang Digunakan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca | 111 |
| 4.32 | Penggunaan Jenis Kata Kerja Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 112 |
| 4.33 | Penggunaan Jenis Kata Adjektif Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 114 |





| | | |
|------|---|-----|
| 4.34 | Penggunaan Jenis Kata Tugas Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Dalam Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 116 |
| 4.35 | Perbezaan Penggunaan Perkataan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 119 |
| 4.36 | Jenis Pola Ayat Yang Digunakan Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan | 120 |
| 4.37 | Jenis Pola Ayat Yang Digunakan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 120 |
| 4.38 | Jenis Pola Ayat Yang Digunakan Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan | 121 |
| 4.39 | Jenis Pola Ayat Yang Digunakan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 121 |





SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka surat |
|--|------------|
| 2.1 Kerangka Konseptual Kajian | 46 |
| 3.1 Reka Bentuk Pembinaan Model Tetingkap | 54 |
| 3.2 Pembinaan Item Soalan Karangan Ujian Pra Dan Ujian Pasca | 62 |
| 3.3 Reka Bentuk Prosedur Kajian | 64 |
| 3.4 Reka Bentuk Pelaksanaan Kajian Keberkesanan Teknik Tetingkap | 65 |
| 4.1 Graf Penggunaan Kata Nama Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca | 113 |
| 4.2 Graf Penggunaan Kata Kerja Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 114 |
| 4.3 Graf Penggunaan Kata Adjektif Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 115 |
| 4.4 Graf Penggunaan Kata Tugas Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan | 116 |
| 4.5 Analisis Perkataan Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 117 |
| 4.6 Analisis Perkataan Yang Terdapat Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 118 |





SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|--|
| FA | Frasa Adjektif |
| FK | Frasa Kerja |
| FN | Frasa Nama |
| FS | Frasa Sendi Nama |
| K | Responden Kumpulan Kawalan |
| R | Responden Kumpulan Rawatan |
| SPSS | <i>Statistical Packages For The Social Science</i> |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Perkataan dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan
- B Senarai Perkataan dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan
- C Senarai Perkataan dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan
- D Senarai Perkataan dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan
- E Skor Pemarkahan dan Kriteria Pemarkahan
- F Kotak Tetingkap
- E Contoh Karangan Ujian Pra dan Ujian Pasca



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Menulis merupakan satu proses merakam atau menghasilkan bahan berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan, maklumat dalam bentuk tulisan untuk berhubung dengan orang lain atau dengan diri sendiri. Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran peringkat paling tinggi dalam kemahiran bahasa dan sinonim dengan mata pelajaran Bahasa Melayu

Di Malaysia, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran dalam bahasa Melayu yang dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi murid sekolah rendah. Murid-murid wajib mengambil kertas Bahasa Melayu Penulisan dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sama ada di sekolah kebangsaan maupun di sekolah jenis kebangsaan. Bahasa Melayu Penulisan dalam UPSR 2015





menunjukkan peratus cemerlang murid SJKC di seluruh Melaka adalah sebanyak 26%, peratusan Bahasa Melayu Penulisan di SJKT pula sebanyak 16.2 % berbanding SK di seluruh Melaka yang mencatatkan 61.9%. Ini menunjukkan perbezaan yang ketara antara peratus cemerlang Bahasa Melayu Penulisan di SK dengan peratus cemerlang Bahasa Melayu Penulisan di SJKC dan SJKT.

Kemahiran menulis memerlukan seseorang pelajar menulis perkataan dan membina ayat serta menjana idea melalui pelbagai jenis penulisan. Fokus penulisan murid bagi peringkat sekolah rendah adalah sesuatu yang berkait rapat dengan pengalaman peribadi yang telah dilaluinya dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul (Eddyana dan Rohani, 2014).



idea secara jelas, tepat, dan berkesan. Pemilihan kata perlu disesuaikan dengan tajuk dan jenis karangan sama ada untuk tujuan perbahasan, memujuk, memberi pendapat, atau untuk bercerita. Perkembangan isi dan huraian juga dibuat dalam bentuk perenggan yang mencirikan kesatuan sesebuah karangan. Oleh yang demikian, murid perlu mendapat pendedahan dan mengetahui teknik menulis yang baik sejak di bangku sekolah rendah. Maka, amat wajar bagi seseorang guru untuk memperkenalkan teknik atau strategi yang berkesan dengan kemampuan murid untuk meningkatkan kemahiran menulis.

Antara sub kemahiran yang perlu ada dalam penulisan sesebuah karangan ialah kebolehan menulis mengikut isi dan topik yang sesuai, isi mencukupi, idea yang segar dan asli dan dapat menjadi perenggan yang baik (Kamsiah Abdullah dalam Rohani





Mahot,2014). Oleh itu, keberkesanan dalam penulisan karangan memerlukan kemahiran menulis yang mampu menggabungkan kebolehan mengolah isi, bahasa dan susunan organisasi yang mantap.

Penulisan karangan merupakan bahagian yang penting pada peringkat rendah, menengah dan pusat pengajian tinggi. Kegagalan murid menghasilkan karangan yang bermutu, sudah pasti akan menjelaskan prestasi mereka dalam penguasaan kemahiran penulisan Bahasa Melayu. Perkara ini disokong oleh Noorazman (2009) yang mengatakan murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan murid menjawab dalam bentuk tulisan dan ada juga yang memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat. Murid yang tidak menguasai kemahiran menulis yang baik sering menghadapi masalah untuk menjawab



Mariam Saad (2011) menyatakan bahawa kemahiran menganjurkan bukan sahaja untuk tujuan akademik seperti menjawab soalan peperiksaan, menulis laporan dan tugas tetapi juga untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan seharian dan profesional di tempat kerja. Kesimpulannya, penulisan karangan amat penting bagi semua golongan masyarakat dan perlu diasah sejak kecil lagi memandangkan penulisan karangan yang baik memerlukan masa dan teknik yang sesuai untuk mengembangkan kebolehan seseorang untuk menulis dengan baik.





1.2 Latar belakang kajian

Di Malaysia, banyak kajian dilaksanakan yang melibatkan penulisan karangan murid di sekolah menengah dan rendah. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Che Zanariah Che Hassan dan Fadzillah Abdul Rahman (2011) iaitu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan di sekolah rendah, Mariam Saad (2011) dalam pengajaran kemahiran penulisan karangan menggunakan kata tanya, Norfaezah Abdul Jobar dan Anida Sarudin (2014) dalam Pola Tematik dan implikasinya dalam pengajaran penulisan karangan, Zuraini Jusoh dan Abdul Rasid Jamian (2014) dalam kajian yang bertajuk Kesan Bercerita terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu serta Azizee Amin dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2006) dalam Teknik Grafik membantu dalam penulisan karangan naratif Tahun 4.



Namun kebanyakan kajian yang dijalankan untuk meningkatkan mutu penulisan karangan dilakukan terhadap murid yang terdiri daripada penutur jati bahasa Melayu. Walaupun bahasa Melayu dianggap mudah oleh sesetengah pihak, namun pencapaian bahasa Melayu terutamanya bagi kertas Bahasa Melayu Penulisan masih lagi pada tahap sederhana. Hal ini disokong dengan analisis Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang dibuat pada tahun 2011.

“Analisis prestasi dan gred purata Bahasa Melayu di SJK bagi tahun 2010 dan 2011 menunjukkan mata pelajaran bahasa Melayu Pemahaman dan Penulisan di SJK (SJKC dan SJKT) bagi Gred A meningkat masing-masing sebanyak 1.3% dan 1.9%. Peratusan calon yang melepas tahap penguasaan minimum (Gred ABC) bagi Bahasa Melayu - Pemahaman di SJK juga meningkat sebanyak 1.2%. Walau bagaimanapun, prestasi Bahasa Melayu - Penulisan di SJK menurun sebanyak 0.8%. Penurunan peratusan ini disebabkan oleh penurunan peratusan calon yang mendapat Gred B dan C bagi Bahasa Melayu – Penulisan di SJK iaitu masing-masing sebanyak 1.5% dan 1.2%. Pada masa yang sama, peratusan calon yang mendapat Gred E pula meningkat sebanyak 1.2%.”

Kementerian Pendidikan Malaysia 2011





Kelemahan dalam menulis karangan adalah salah satu punca murid gagal mencapai keputusan yang baik pada peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) mahupun peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan murid Cina menyebabkan pencapaian mereka dalam bidang akademik rendah kerana mereka tidak dapat menyatakan sesuatu dengan baik dan berkesan melalui tulisan.

Berdasarkan markah peperiksaan Ujian Bulanan 1 di sekolah jenis kebangsaan Cina di tempat pengkaji berkhidmat di Melaka, pengkaji mendapati kebanyakan murid tidak dapat menulis karangan dengan baik dan masih berada pada tahap lemah dan sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak mampu meluahkan idea semasa menjawab soalan penulisan, isi karangan terpesong dan ada juga beberapa orang murid yang hanya dapat menulis beberapa perkataan sahaja semasa menjawab soalan tersebut. Hal ini amat membimbangkan pengkaji kerana jika murid tidak berupaya menulis perenggan karangan, mereka tidak mampu untuk lulus dalam mata pelajaran ini dan jauh sekali untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu Penulisan.

Pengkaji turut bertanyakan kepada guru-guru lain yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah tersebut tentang masalah yang dihadapi oleh murid dalam Bahasa Melayu terutamanya bidang penulisan. Mereka mengatakan bahawa kebanyakan murid di sekolah tersebut boleh bertutur menggunakan kosa kata yang agak terhad tetapi mereka tidak boleh menulis karangan mengikut tajuk yang diberikan. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai idea bagi menjawab soalan yang dikemukakan, tidak yakin untuk menulis karangan dan kosa kata mereka agak terhad. Bertitik tolak





daripada permasalahan ini, pengkaji berasa terpanggil untuk mencari penyelasaian bagi mengatasi masalah ini supaya murid dapat memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan di peringkat sekolah mahupun peperiksaan UPSR.

Hal ini turut dipersetujui oleh pengkaji-pengkaji lain seperti Aisyah, Zamri dan Azwa (2016), Che Zanariah (2011), dan Abdul Rashid (2011) yang menyatakan murid menghadapi masalah untuk memulakan proses menulis karangan apabila kekurangan idea dan menjadikan karangan yang ditulis tidak bermutu. Merujuk kepada penulisan karangan, terdapat murid yang tidak mempunyai keupayaan untuk menulis. Terdapat juga penulisan yang tidak selari dengan tajuk atau kehendak soalan serta tiada isi yang bernas (Ahmad Marzuki 2007). Menurut A.Rahman et.al (2015), murid tidak dapat membayangkan isi penting yang berkaitan dengan tajuk karangan. Penulisan karangan mereka juga tidak mengikut format dan garis panduan serta ayat yang dibina tidak teratur dari segi struktur ayat.

Penguasaan kemahiran menulis perlulah diajar menggunakan kaedah yang betul dan berkesan menjadi faktor peningkatan pencapaian murid dalam penulisan (Che Zanariah,2011). Oleh yang demikian, guru berperanan untuk menggunakan teknik yang sesuai mengikut kebolehan murid dan mengulangi apa yang telah dipelajari bagi membantu mereka dapat menulis karangan dengan lebih baik. Hal ini selaras dengan pandangan Baptiste dan Barbot (2011) dalam (Alenda Ahmed,2014) yang mengatakan bahawa penulisan merupakan satu proses yang perlu seringkali diulang dan melibatkan kemahiran kognitif dan metakognitif untuk menghasilkan pencapaian akademik dan vokasional.





Oleh itu, dalam usaha mengatasi masalah ini, pengkaji telah membina teknik tetingkap dan kajian penyelidikan ini telah menguji keberkesanan penggunaan teknik tetingkap dari segi peningkatan skor pencapaian murid dalam penulisan karangan, penambahan bilangan kosa kata dan penggunaan pola ayat yang pelbagai yang membantu untuk menghasilkan karangan yang baik.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian berkaitan pelaksanaan kemahiran menulis penting untuk dilaksanakan kerana penulisan karangan dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu dilihat berada pada tahap yang kurang memuaskan. Kelemahan pelajar dalam menulis karangan dikesan dalam ujian Penilaian 1 yang diadakan pada bulan Mac 2016, didapati sebahagian pelajar mampu mengarang namun mereka tidak menggunakan ayat yang gramatis dan lemah dalam menyampaikan idea manakala sebahagian pelajar langsung tidak dapat menjawab soalan karangan yang dikemukakan dan mereka hanya menulis beberapa perkataan sahaja malah ada yang hanya menyalin semula soalan. Cara penulisan pelajar ini menunjukkan mereka kurang didedahkan dengan strategi dan teknik-teknik penulisan karangan yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka untuk menulis dengan baik.

Antara aspek yang dinilai dalam penskoran markah bagi penulisan karangan murid sekolah rendah adalah dari segi kebolehan murid menjawab tugas dan menepati idea, pengolahan dan penyampaian calon, ayat yang dihasilkan, kosa kata dan jenis kata serta ejaan dan tanda baca. (Lampiran E).





Kelemahan menulis karangan dalam kalangan murid di sekolah jenis kebangsaan adalah disebabkan beberapa faktor. Namun, setelah diteliti faktor utama yang menyebabkan murid tidak dapat memperoleh keputusan yang cemerlang adalah disebabkan oleh penguasaan kosa kata yang terhad, ketiadaan idea untuk menjawab soalan atau tiada isi dan lemah dalam menghuraikan isi yang dikemukakan. Masalah-masalah yang dihadapi ini menyebabkan murid tidak dapat menulis dengan baik dan ada juga dalam kalangan mereka yang tidak menjawab soalan berikut dan hanya menulis beberapa perkataan sahaja.

Oleh yang demikian, penggunaan kosa kata merupakan salah satu aspek yang harus diberikan penekanan oleh murid untuk mendapat markah yang cemerlang. Mereka seharusnya menguasai kosa kata yang luas supaya boleh digunakan dengan

baik dalam penulisan karangan. Apabila kosa kata yang digunakan terhad, mereka cenderung untuk tidak memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Hal ini disokong oleh Hasnah Mohamed (2016) yang mengatakan karangan yang dianggap cemerlang ialah karangan yang mempunyai kosa kata yang luas.

Selain itu, pengkaji-pengkaji lain seperti Kamarudin et al. dalam Nurul Aisyah, Zamri Mahmood, Noor Azwa Hanum (2016), Sri Kartika Rahman, Mesra Adikasuma, Suraya Tarasat et al.(2013), Nadzrah, Norsimah dan Nor Hashimah (2011) bersetuju mengatakan bahawa masalah utama murid dalam menulis karangan ialah murid tidak dapat mengeluarkan idea bagi menjawab soalan yang dikemukakan. Ketidakmampuan mereka melahirkan idea untuk menulis karangan akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk memperoleh skor markah yang baik kerana salah satu kriteria utama pemerolehan markah adalah dengan menulis idea berkaitan tajuk yang diberikan.





Walau bagaimanapun, terdapat murid yang dapat memberikan idea yang menepati soalan, namun idea yang dikemukakan tidak mencukupi dan tidak dikembangkan dengan dengan baik. Abdul Rashid et al. (2011) dalam kajiannya mendapati isi atau idea yang dinyatakan tidak dikembangkan dengan baik serta lemah. Ayat yang dibina juga tidak mempunyai pertautan antara satu sama lain dan keadaan ini menyebabkan karangan menjadi kabur dan sukar difahami.

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, maka timbul kesedaran pengkaji untuk menjalankan kajian bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti menggunakan teknik tetingkap agar murid dapat menulis karangan dengan baik dari segi pemilihan idea yang sesuai, penggunaan kosa kata yang meluas dan dapat mengembangkan idea sampingan atau huraian dengan baik. Hal ini kerana penguasaan

kemahiran menulis karangan tidak hanya bergantung kepada sikap dan bakat seseorang pelajar sahaja (Norhasimah et.al 2010) sebaliknya perlu menjalani latihan berulang kali. Bloomfield dalam bukunya Language (1933) menyatakan bahawa penguasaan bahasa dikuasai melalui latihan dan bukan semata-mata ilmu. Bloomfield juga berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah proses mekanikal untuk membentuk tabiat pelajar dan melalui latihan pengulangan untuk meningkatkan tahap penguasaan sesuatu ilmu. Pembelajaran bahasa merupakan penguasaan atau kebiasaan yang diperoleh murid dengan mengulang-ulang aktiviti yang hendak mereka kuasai (Mazlina Baharudin,2016).





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan teknik tetingkap dalam meningkatkan kualiti menulis karangan dalam kalangan murid bukan Melayu dari segi skor markah, penambahan kosa kata murid dan pola ayat yang dihasilkan.

1.5 Soalan Kajian

1. Apakah kekerapan perkataan yang digunakan dalam ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
2. Apakah jenis kata yang dihasilkan dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan?
3. Apakah jenis pola ayat yang dihasilkan dalam ujian pra dan ujian pasca?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?





1.6 'Hipotesis Kajian

Terdapat empat hipotesis null dalam kajian ini untuk menjawab soalan kajian yang keempat; iaitu :

- i. Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- ii. Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- iii. Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.
- iv. Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.



1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Pelajar

Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar khususnya di sekolah jenis kebangsaan. Seterusnya kajian ini juga diharapkan mampu memupuk minat pelajar dan lebih berkeyakinan untuk menulis karangan. Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu juga diharap dapat dipertingkat dalam usaha untuk memacu kecemerlangan Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan baik di peringkat daerah mahupun peringkat negeri.





1.7.2 Guru

Bagi pihak guru pula, kajian ini diharapkan mampu memberi gambaran untuk membuat persediaan yang lebih baik semasa mengajarkan penulisan karangan murid sekolah rendah. Kajian ini turut membantu guru-guru bahasa Melayu dalam merancang strategi pengajaran dengan lebih baik dan berkesan.

1.7.3 PPD

Pada peringkat pejabat pendidikan daerah, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan salah satu alternatif bagi meningkatkan prestasi penulisan Bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan di daerah Melaka Tengah. Pihak PPD juga dapat menyarankan guru-guru di sekolah jenis kebangsaan untuk menggunakan teknik yang sesuai untuk membantu meningkatkan kemahiran menulis karangan.



1.7.4 Kementerian

Hasil kajian ini mungkin boleh dijadikan panduan untuk kajian yang lebih mendalam dan lebih menyeluruh bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid di sekolah jenis kebangsaan. Sekiranya hasil kajian dilihat positif, kementerian juga boleh merancang pengedaran modul bagi diedarkan kepada guru-guru di sekolah jenis kebangsaan. Kajian ini juga diharap dapat menambah koleksi bahan rujukan tentang penyelidikan yang dijalankan dalam bidang penulisan pada masa akan datang yang boleh dijadikan sumber rujukan kepada para penyelidik





1.8 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan 60 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Cina tahun lima di dua buah sekolah di daerah Melaka Tengah, Melaka. Semua responden yang dipilih adalah terdiri daripada kelas tahun lima yang berpencapaian sederhana. Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental. Responden ditadbirkan dengan dua jenis ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca bagi membandingkan tahap penguasaan menulis karangan dalam kalangan murid. Ujian-t digunakan untuk mengukur sama ada wujud keberkesanan antara dua min iaitu pra ujian dan ujian pasca. Masa yang diambil untuk melaksanakan kajian ini adalah selama lapan minggu dan dijalankan di dalam kelas semasa waktu bahasa Melayu sebanyak satu jam seminggu.



Kajian ini melibatkan penggunaan beberapa istilah dan konsep yang perlu dijelaskan. Antara istilah dan konsep yang digunakan ialah:

1.9.1 Keberkesanan pembelajaran

Perkataan ‘keberkesanan’ berasal daripada ‘kesan’. Kamus Dewan (2002:663) ‘Kesan’ membawa maksud tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas sama ada kebaikan atau keburukan. Manalaka ‘keberkesanan’ membawa maksud berkesannya sesuatu tindakan atau perbuatan. Dalam konteks kajian ini, keberkesanan bermaksud kesan ke atas pencapaian penulisan karangan murid dari segi skor yang diperoleh dalam ujian yang dijalankan, peningkatan penggunaan kosa kata dan bilangan perkataan dalam karangan serta kepelbagai pola ayat yang digunakan.





1.9.2 Teknik

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan teknik sebagai kaedah mencipta sesuatu hasil seni seperti muzik atau karang mengarang dan sebagainya. Menurut Edward M. Anthony mendefinisikan teknik adalah satu muslihat atau strategi atau taktik yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil segera yang maksimum pada waktu mengajar sesuatu bahagian bahasa tertentu. Mengikut Kamaruddin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz dalam bukunya Pengajian Melayu III : Komunikasi Bahasa, teknik boleh didefinisikan sebagai pengendalian suatu organisasi yang benar-benar berlaku di dalam bilik darjah di mana ia digunakan untuk mencapai sesuatu objektif. Oleh yang demikian, definisi teknik boleh disimpulkan sebagai suatu alat yang digunakan oleh guru bahasa bagi menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih untuk murid-muridnya.



Dalam kajian ini, teknik tetingkap adalah kaedah yang digunakan untuk membolehkan pelajar menulis karangan yang telah dipelajari dan mengaplikasikannya pada tajuk karangan yang lain. Teknik tetingkap dibangunkan menggunakan garisan petak yang mengandungi isi karangan sesuatu tajuk dan murid akan dibantu untuk membina perenggan karangan bersama-sama. Idea bagi sesuatu tajuk akan diulang semula ke dalam tajuk karangan yang hampir sama.

1.9.3 Menulis Karangan

Menulis adalah menggunakan simbol visual yang berfungsi sebagai komunikasi (Yahya Othman, 2005) manakala Byrne (dalam Robiah Kulop Hamzah, 1999) menyatakan bahawa penulisan ialah urutan ayat-ayat yang disusun dalam susunan tertentu dan berkait rapat antara satu sama lain dengan cara-cara tertentu. Urutan ini





mungkin panjang dan mungkin pendek. Walau bagaimanapun, urutan ayat-ayat ini dapat membentuk satu kesatuan yang jelas maksudnya.

Dalam konteks kajian ini, penulisan karangan merupakan eseai atau karangan sekolah rendah mengikut format penilaian dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Karangan haruslah ditulis berdasarkan tajuk yang diberi dan kriteria pemarkahan sudah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran E.

1.10 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis, batasan kajian, kepentingan kajian serta definisi operasional yang menjadi komponen penting dalam penyelidikan ini. Pengkaji ingin membuat kajian mengenai keberkesanan teknik tetingkap dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan.

